

BAB KELIMA

BAB V

PENUTUP

Dalam bab kelima, iaitu bab yang menjadi penutup kepada tesis ini, penulis akan menyimpulkannya menjadi dua bahagian; pertama kesimpulan dan kedua saranan.

1. KESIMPULAN

Hasil daripada kajian tesis ini, penulis mengemukakan kesimpulan berdasarkan urutan masalah-masalah yang dikaji, iaitu sebagaimana berikut:

A. Kesimpulan Masalah Pertama

1. Berdasarkan kajian dalam masalah pertama, maka kesimpulannya secara kasar ialah bahawa kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur masih lagi mewarisi kepercayaan dan amalan tradisional; walaupun ia telah terhakis sedikit demi sedikit.

2. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur masih berpendapat bahawa kepercayaan agama atau falsafah tradisional orang Cina diperlukan, sama ada kesemuanya atau sebahagiannya. Orang Cina yang berpendapat demikian bertaburan di kalangan lelaki dan perempuan, suku kaum, pekerjaan, pencapaian pelajaran dan pendapatan

yang bermacam-macam.

3. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur sekarang masih mengakui bahawa mereka menganuti kepercayaan agama atau falsafah tradisional mereka dan yang paling ramai mengakui bahawa mereka beragama Buddha dan agama Cina / Folk.

4. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur mempercayai tentang adanya pencipta (creator), di samping ramai yang ragu-ragu. Berdasarkan latar belakang umur dan pencapaian pelajaran, golongan tua lebih tinggi peratus berpendapat bahawa pencipta itu ada, berbanding dengan golongan muda. Manakala golongan muda dan golongan yang lebih tinggi pencampaian pelajaran, lebih tinggi peratus yang ragu-ragu tentang wujudnya pencipta.

5. Sebahagian orang Cina di Kuala Lumpur mempercayai bahawa tuhan itu ramai, di samping ramai yang ragu-ragu. Golongan yang rendah pencapaian pelajaran dan tanpa pelajaran, dan golongan yang bekerja di peringkat rendah lebih tinggi peratus mempercayai tuhan itu ramai, berbanding dengan yang tinggi pencapaian pelajaran dan yang bekerja di peringkat tinggi. Keperluan kepada tuhan ramai sebab konsep tuhan bagi golongan ini ialah tuhan setempat yang berkuasa di tempat masing-masing sahaja. Konsep tersebut warisan kepercayaan tradisional orang Cina.

6. Ramai orang Cina di Kuala Lumpur mempercayai kebangkitan semula sesudah mati, di samping ramai juga yang tidak mempercayainya. Kedua-dua golongan tersebut bertaburan di kalangan orang yang berpekerjaan dan pencapaian pelajaran yang bermacam-macam.

7. Orang Cina di Kuala Lumpur masih mempercayai benda-benda ghaib seperti roh, dewa / god / shen, hantu, datuk penunggu dan keramat. Ramai golongan yang mempercayai benda-benda tersebut berpendapat bahawa benda-benda itu mempunyai kuasa untuk melakukan sesuatu kepada manusia. Golongan tersebut bertaburan di kalangan suku kaum, pekerjaan dan kepercayaan agama yang bermacam-macam.

8. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur masih melakukan pemujaan / penyembahan, sama ada selalu atau jarang-jarang. Latar belakang jantina, umur dan pendapat tidak membawa perbezaan yang jauh di kalangan orang Cina yang melakukan pemujaan. Kebanyakan mereka memuja disebabkan kepentingan hidup di dunia ini.

9. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur tidak berusaha mempelajari dan mendalami agama kepercayaan atau falsafah mereka, dengan itu kebanyak mereka tidak yakin kepadanya. Mereka itu bertaburan di kalangan orang yang mencapai pelajaran yang bermacam-macam peringkat dan anutan agama yang bermacam-macam.

10. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur mempercayai fengshui dan mereka bertaburan di kalangan jantina, suku kaum, pekerjaan, pencapaian pelajaran dan agama kepercayaan yang bermacam-macam.

11. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur mempercayai angka (lucky and unlucky numbers). Mereka itu bertaburan di kalangan suku kaum, pencapaian pelajaran dan agama kepercayaan yang bermacam-macam. Angka yang paling disukai oleh golongan yang mempercayainya ialah angka lapan, manakala angka yang dibenci oleh mereka ialah angka empat.

12. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur, terutama dari golongan tua masih mempercayai bahawa naga, singa, ikan kalaui, ikan emas, pokok buluh, buah limau dan sebagainya adalah benda-benda yang mempunyai keistimewaan.

13. Ramai orang Cina di Kuala Lumpur mengamalkan judi, terutamanya golongan tua, golongan yang bekerja selain daripada profesional / eksekutif (swasta), golongan selain pelajar dan golongan yang tidak berpelajaran atau pencapaian pelajaran yang rendah. Demikian juga arak, masih ramai orang Cina di Kuala Lumpur meminumnya.

B. Kesimpulan Masalah Kedua:

1. Kajian di dalam masalah kedua memberi kesimpulan bahawa pihak-pihak yang berusaha melakukan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur belum dapat melaksanakannya dengan baik, kerana masih banyak masalah yang dihadapi.

2. Program utama yang dilakukan untuk berdakwah kepada orang Cina dan orang-orang bukan Islam yang lain ialah:

i. PERKIM: Dengan cara hubungan peribadi, perbincangan berkelompok, lawatan ke tempat sasaran dan dengan menyumbangkan khidmat masyarakat.

ii. Islamic Outreach-ABIM: Dengan cara program pengenalan, perbincangan, ejen perantaraan dan dengan menyumbangkan khidmat masyarakat.

iii. Darul Fitrah: Dengan cara penerangan, video / audio dan perpustakaan.

3. Program khidmat masyarakat dengan berbagai-bagi bentuk yang dilakukan oleh PERKIM dan Islamic Outreach-ABIM merupakan satu usaha dakwah kepada orang Cina dan orang bukan Islam yang lain secara tidak langsung. Darul Fitrah, walaupun dirasainya program tersebut sangat perlu, setakat ini belum lagi memulakkannya.

4. Mengadakan perantaraan atau ejen dari kalangan sasaran itu sendiri, iaitu seperti untuk sasaran orang Cina melalui perantaraan orang Cina, juga digunakan oleh PERKIM dan Islamic Outreach-ABIM dalam dakwahnya kepada orang Cina.

5. Isi penerangan dan perbincangan yang selalu dikemukakan kepada sasaran orang Cina ialah berhubung dengan isu silap faham terhadap Islam, keadilan Islam, kesesuaian Islam dengan seluruh manusia dan masa, perbandingan antara agama-agama dan asas-asas Islam.

6. Bahasa Inggeris memainkan peranan yang penting untuk berdakwah kepada orang Cina, terutamanya untuk golongan menengah dan elit.

7. Perbezaan cara dakwah kepada orang Cina secara kasar, sebagaimana yang dilakukan oleh ketiga-tiga badan dakwah tersebut ialah:

i. PERKIM: Dalam bentuk kontak peribadi, lawatan dan kebajikan.

ii. Islamic Outreach-ABIM: Dalam bentuk perbincangan informal, kekeluargaan dan kebajikan.

iii. Darul Fitrah: Dalam bentuk penggunaan media cetak dan pandang dengar.

8. Ketiga-tiga pertubuhan dakwah yang dikaji berjaya melakukan dakwah di kalangan orang Cina khususnya. Tetapi, di sebalik kejayaan itu, banyak kesulitan yang dihadapi. Kesulitan utama yang dihadapi oleh ketiga-tiga pertubuhan tersebut ialah kekurangan kewangan, kekurangan tenaga dan kekurangan kesedaran orang ramai untuk memberi dokongan.

9. Bermacam-macam aktiviti dilakukan oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur, khususnya kepada orang Cina dan pada dasarnya ia menepati dasar dakwah Quran. Tetapi, masih ada kelemahan, kekurangan dan kekosongan yang perlu diatasi dan diisi, sama ada dari sudut isi penyampaian, saluran atau uslūb al-da'wah.

C. Kesimpulan Masalah Ketiga:

1. Berdasarkan kajian di dalam masalah ketiga, kesimpulannya ialah bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur, khususnya kepada orang Cina berjaya menjadi saluran mereka memeluk Islam dan mempertingkatkan Islam mereka melalui aktiviti-aktiviti yang diatur. Namun di samping itu, masih banyak perkara yang perlu ditambah dan diperbaiki untuk menjadikannya pertubuhan dakwah yang betul-betul menepati kehendak dakwah Quran.

2. Kelahiran badan-badan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur dapat dimanfaatkan oleh sasaran masing-masing, khususnya orang-orang Cina dengan khidmat masing-masing yang bermacam-macam.

3. Walaupun kejayaan yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang-orang Cina di Kuala Lumpur tidak menepati dasar kejayaan dakwah Quran dengan sepenuhnya, namun hasil yang dicapai oleh pertubuhan-pertubuhan tersebut telah banyak menepati kehendak dakwah Quran.

D. Kesimpulan Umum

Melalui kajian tesis ini, secara umumnya dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

1. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bukan sahaja menjadi ibu negara Malaysia, malah juga pusat dakwah di rantau ini. Pertubuhan-pertubuhan dakwah banyak menumpukan aktiviti mereka di Kuala Lumpur, terutamanya di kalangan orang-orang Islam.

2. Dakwah kepada orang bukan Islam, khususnya orang Cina telah dilakukan di Kuala Lumpur. Di samping kejayaan yang baik melalui usaha tersebut, terdapat juga kekurangan yang perlu ditambah.

3. Kajian di dalam tajuk ini diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk mengatur usaha-usaha dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur khususnya dengan cara yang lebih sempurna.

4. Masyarakat semasa Quran diturunkan merupakan masyarakat asas kepada sasaran dakwah. Di dalamnya terdapat bermacam-macam jenis kepercayaan agama, khususnya kepercayaan pemujaan keberhalaan. Di dalamnya juga terdapat bermacam-macam kepercayaan khurafat dan tahayul terhadap sesuatu benda, seperti binatang, cakerawala dan lain-lain. Di dalamnya juga terdapat bermacam-macam adat kebudayaan dan perwatakan manusia. Di samping itu, keruntuhan moral sangat teruk. Namun, di celah-celah keburukan itu terdapat kebaikan, seperti maju dalam perdagangan, maju dalam kesusasteraan, murah, berani dan sebagainya.

5. Dakwah Quran kepada orang bukan Islam merupakan dakwah yang membuat penyelesaian di dalam sesuatu masalah kefahaman yang dihadapi oleh sasaran.

6. Quran mengajak sasarannya supaya berfikir secara serius berhubung dengan kepercayaan dan amalan-amalan yang dilakukan, iaitu apakah ia betul dan sesuai bagi manusia, atau ia sekadar menerima warisan orang-orang terdahulu secara membuta tuli sahaja?

7. Untuk membebaskan pemikiran masyarakat yang dikongkong oleh tahayul dan karut marut, Quran mengajak sasarannya ke suatu arah pemikiran yang berdasarkan logik yang rasional, di luar daripada kongkongan pemikiran masyarakat yang sempit.

8. Untuk menolak kefahaman sasaran dakwah yang bukan-bukan, Quran mengemukakan hujah-hujahnya mengikut bentuk-bentuk semasa yang menarik. Ini bererti bahawa isi dakwah Quran tidak dikemukakan mengikut satu bentuk sahaja. Kepelbagaiannya cara penyampaian ini dapat membuka selera sasaran mendengar dan akhirnya menerima isi yang disampaikan itu.

9. Quran juga mengajak sasarannya supaya berfikir secara bersepada. Rahsia tabiat semulajadi alam ini tidak terasing di dalam dakwah Quran. Antara kedua-duanya selalu dihubungkaitkan. Cara tersebut boleh menjadi hujah yang kukuh di dalam sesuatu seruan. Dengan itu, alam ini yang terdiri daripada alam manusia, alam atasan (kosmos), alam haiwan, alam tumbuhan dan sebagainya menjadi bahan rujuk yang penting untuk membuka fikiran manusia supaya menerima kebenaran seruan Quran. Orang yang memikirkan kejadian alam-alam tersebut akan menemui kebenaran yang ada pada Quran.

10. Usaha dakwah Quran kepada orang bukan Islam bertujuan untuk membawa mereka kepada kebaikan dan

kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Untuk tujuan tersebut mereka hendaklah dibebaskan dari ikatan warisan yang mengagungkan benda-benda untuk membawa mereka kepada pemujaan dan pengagungan terhadap yang berhak dipuja dan diagung. Kemasukan seseorang ke dalam Islam merupakan tahap permulaan menuju ke arah tersebut.

11. Segala usaha yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri seseorang kepada Islam merupakan kejayaan di dalam dakwah Islamiah.

12. Orang Cina mengejar penghidupan yang baik. Perpindahan mereka dari negeri Cina ke Malaysia pada satu ketika dahulu adalah untuk tujuan tersebut.

13. Kepercayaan agama di kalangan orang Cina lebih didorong oleh suasana hidup. Dengan yang demikian, pemikiran asas di dalam agama diselaraskan dengan pemikiran suasana kehidupan. Contohnya, seperti soal ketuhanan yang berbilang-bilang. Ia dipengaruhi oleh sistem pemerintahan dan kerajaan. Dengan itu, agama diambil berat, selama ia sebagai perantaraan untuk mendapat kepentingan keduniaan. Sebaliknya, soal-soal akhirat yang tidak ada kaitan dengan kepentingan keduniaan diabaikan. Kecuali setelah seseorang itu meninggal dunia, maka orang yang hidup yang ada kaitan dengannya cuba melakukan sesuatu untuk membahagiakan si mati.

14. Orang Cina kaya dengan kepercayaan-kepercayaan tahuul yang sukar untuk difahami oleh generasi sekarang. Kehidupan mereka banyak diikat oleh adat kepercayaan.

15. Orang Cina juga kaya dengan kebudayaan dan adat resam yang turun temurun. Walaupun telah banyak adat resam mereka yang telah ditinggalkan kerana penyesuaian setempat, namun masih banyak adat resam yang dipegang sampai sekarang.

16. Orang Cina merupakan satu bangsa yang bermaruah, kerana banyak sifat baik terdapat pada mereka. Tetapi, mereka juga mengamalkan beberapa sifat buruk yang boleh merosakkan kehidupan mereka.

17. Kajian ini berdasarkan satu metod semasa yang sering digunakan. Penggunaan metod tersebut bertujuan supaya hasil yang didapati melalui kajian ini tidak dapat diragui lagi.

18. Hipotesis-hipotesis di dalam masalah-masalah yang dikaji terbukti, iaitu sebagaimana berikut:

- i. Kebanyakan orang Cina di Kuala Lumpur masih mewarisi kepercayaan-kepercayaan dan amalan-amalan tradisional, walaupun ia terhakis sedikit demi sedikit.

ii. Pihak-pihak yang melakukan usaha-usaha dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur masih tidak dapat melaksanakan dakwah dengan baik, kerana ada masalah-masalah yang dihadapi.

iii. Pertubuhan-pertubuhan dakwah kepada orang bukan Islam di Kuala Lumpur, khususnya kepada orang Cina berjaya menjadi saluran untuk mereka memeluk Islam dan mengadakan bermacam-macam aktiviti dakwah. Namun, di samping itu masih banyak perkara yang perlu ditambah dan diperbaiki untuk menjadikan ia sebagai pertubuhan dakwah yang betul-betul menepati kehendak dakwah Quran.

19. Hasil daripada kajian ini beberapa saranan dapat dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk renungan dan tindakan bersama agar usaha dakwah berjalan lebih sempurna dengan hasilnya yang lebih baik.

2. SARANAN

Berdasarkan hasil kajian melalui tesis ini, sebagaimana yang dipaparkan, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan semoga ia menjadi kebaikan bersama. Saranan-saranan tersebut sebagaimana berikut:

1. Dakwah Islamiah adalah satu kewajipan ke atas setiap orang Islam mengikut kemampuan masing-masing. Oleh itu, setiap orang hendaklah sedar akan tanggungjawab tersebut dan melaksanakannya dengan sempurna.
2. Orang bukan Islam merupakan sasaran yang pertama di dalam dakwah Islam. Dengan yang demikian, dakwah kepada orang bukan Islam hendaklah diambil berat oleh setiap orang, khususnya badan-badan yang ada hubungkait dengan Islam.
3. Pengetahuan mengenai selok belok masyarakat sasaran, terutamanya yang berhubung dengan agama dan kepercayaan amat perlu bagi pendakwah. Setiap pendakwah hendaklah sedar kedudukan tersebut. Dengan yang demikian, pihak yang berkenaan disarankan supaya membuat kajian atau paling tidak beberapa maklumat asas perlu dicari sebelum dimulakan usaha dakwah terhadap sesuatu sasaran.
4. Usaha dakwah kepada orang Cina hendaklah dilakukan dengan cara yang teratur, terutamanya dari sudut pendekatan. Dengan yang demikian, setiap pendakwah / pertubuhan dakwah diharapkan cuba menggunakan pendekatan-pendekatan yang berkesan. Untuk itu, kursus-kursus, latihan-latihan dan sebagainya untuk memberikan tunjuk ajar dan kepakaran, terutamanya kepada pendakwah-pendakwah yang baru hendaklah diadakan oleh pihak-pihak

berkenaan.

5. Quran telah mengemukakan pendekatannya yang tersendiri, iaitu penyelesaian masalah yang dihadapi oleh sasaran, khususnya masalah penyelewengan kepercayaan dengan cara penyampaian yang bermacam-macam bentuk untuk menarik perhatian sasaran. Setiap pendakwah hendaklah berpandukan Quran di dalam usaha dakwahnya.

6. Cara-cara dakwah dan pendekatan-pendekatan dakwah yang terbukti dapat memberi kesan yang baik kepada sasaran hendaklah dipergunakan oleh pendakwah / pertubuhan dakwah dengan meluas. Cara-cara yang dimaksudkan itu ialah seperti:

i. Hubungan peribadi / kawan.

ii. Melalui ejen.

iii. Group discussion.

iv. Khidmat masyarakat dan lawatan.

7. Penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Cina sangat sesuai untuk berdakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur. Mana-mana pihak yang terlibat diharap peka kepada perkara tersebut.

8. Televisyen dan radio memain peranan yang besar untuk menarik perhatian masyarakat Cina di Kuala Lumpur mendengar sesuatu idea yang dikemukakan. Oleh yang demikian, semua pihak yang ada hubung kait dengan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah sedar kedudukan tersebut dan berusaha menggunakannya sebanyak mungkin.

9. Dakwah secara tidak langsung meninggalkan kesan yang besar di kalangan orang Cina di Kuala Lumpur. Pihak-pihak yang terlibat hendaklah sedar keadaan tersebut dengan memperbanyakkan program khidmat masyarakat seperti kaunseling, bantuan dan sebagainya.

10. Tulisan-tulisan ringkas tetapi menarik dalam bentuk risalah dan dihantar terus ke tempat-tempat sasaran boleh memberi faedah yang besar kepada sasaran. Pendakwah / pertubuhan dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur diharap dapat menggunakan saluran tersebut dengan meluas.

11. Pendakwah diharap dapat memahami bahawa sesua-
tu perbincangan dakwah itu hendaklah dimulakan dengan perkara-perkara biasa yang menjadi kegemaran orang Cina di Kuala Lumpur dan terutamanya yang menjadi isu di dalam masyarakat. Selepas itu, barulah dikaitkan dengan Islam. Isi perbincangan yang digemari oleh orang Cina di Kuala Lumpur adalah dalam bidang umum, khususnya

yang berhubung dengan kemasyarakatan.

12. Pendakwah hendaklah menaruh perhatian bahawa antara isi perbincangan dakwah yang baik bagi orang Cina di Kuala Lumpur ialah mengenai tajuk-tajuk berikut:

i. Silap faham terhadap Islam.

ii. Keadilan Islam.

iii. Islam sesuai bagi semua manusia.

iv. Perbandingan agama.

v. Asas-asas Islam.

vi. Konsep Tuhan di dalam Islam.

vii. Islam diperlukan oleh seluruh manusia, kerana ia dari pencipta alam ini dan untuk kesejahteraan manusia di dunia dan di akhirat.

viii. Islam bukan bererti Melayu.

13. Oleh kerana kesenangan hidup di dunia amat penting bagi orang Cina di Kuala Lumpur dan agama digunakan untuk kepentingan keduniaan, pendakwah disa-

rankan supaya selalu menonjolkan kepada sasarannya betapa pentingnya bagi manusia kesenangan hidup sesudah mati, di samping tidak menolak kesenangan hidup di dunia.

14. Pendakwah disarankan supaya selalu menonjolkan bahawa Islam bukan mengikat, tetapi segala peraturan yang dikenakan ke atas pemeluknya adalah untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan pemeluknya.

15. Pendakwah hendaklah memperjelas kepada sasarannya bahawa sifat-sifat buruk, seperti malas dan tidak berusaha di dalam pekerjaan yang menjadi amalan sesetengah orang Islam adalah berlawanan dengan Islam. Manakala sifat-sifat baik, seperti menolong orang lain dan baik hati adalah disuruh oleh Islam.

16. Pendakwah hendaklah menaruh perhatian bahawa mereka tidak digalakkan membincangkan pada peringkat mula-mula tentang kepercayaan khurafat, seperti berhubung dengan fengshui dan angka-angka dan tentang amalan-amalan buruk, seperti arak dan judi, yang terdapat di kalangan masyarakat Cina di Kuala Lumpur.

17. Ceramah-ceramah umum (public talk) yang berhubung dengan tajuk-tajuk umum yang menjadi isu di dalam masyarakat, seperti yang berhubung dengan ekonomi dan kesihatan mendapat perhatian masyarakat Cina di Kuala

Kuala Lumpur. Pertubuhan-pertubuhan dakwah disarankan supaya sering mengadakan ceramah-ceramah seperti itu yang disampaikan oleh pakar-pakar di dalam bidang masing-masing yang berjiwa Islam. Melalui ceramah-ceramah seperti ini, isu-isu Islam diselitkan secara tidak langsung.

18. Memandangkan bahawa sikap orang Cina di Kuala Lumpur yang lebih suka bahawa sesuatu perkara itu dibawa oleh golongan mereka sendiri, maka disarankan bahawa usaha penyampaian dakwah kepada orang Cina di Kuala Lumpur hendaklah dilakukan oleh kaum mereka sendiri. Kursus-kursus kepada orang Cina yang memeluk Islam untuk dijadikan ejen dakwah hendaklah diadakan dengan lebih meluas.

19. Dicadangkan bahawa pihak yang berwajib, seperti Pusat Islam dan jabatan-jabatan agama negeri mengadakan pusat-pusat latihan dakwah atau kursus-kursus dakwah terhadap orang-orang bukan Islam, supaya usaha dakwah kepada orang bukan Islam terus berkembang dengan cara yang sempurna.

20. Adalah diharapkan bahawa bantuan kewangan dan apa-apa kemudahan, terutamanya dari badan-badan agama kerajaan disalurkan tanpa had kepada mana-mana pihak yang ingin mengadakan aktiviti-aktiviti dakwah kepada orang bukan Islam, jika aktiviti-aktiviti seperti itu

tidak dapat dilaksanakan oleh badan-badan tersebut.

21. Orang Cina memberi penghormatan yang tinggi kepada ibu bapa dan anak lelaki. Dengan yang demikian, diharapkan bahawa usaha dakwah kepada sesuatu keluarga sasaran disalurkan melalui mereka.

22. Disarankan bahawa badan-badan dakwah dan pihak-pihak berkenaan mengadakan hubungan baik dengan penganut-penganut bukan Islam, khususnya ketua-ketua mereka. Di samping itu, diharapkan bahawa perbincangan-perbincangan di dalam semua perkara dan jemputan-jemputan ke majlis-majlis keramaian selalu diadakan.

23. Diharapkan bahawa pendakwah jangan sekali-kali memburuk-burukkan orang-orang Cina secara menyeluruh, kerana mereka juga memiliki sifat-sifat baik yang menjadi budaya mereka.

24. Diharap pendakwah dapat memahami bahawa usaha dakwah yang betul kepada orang bukan Islam, walaupun tidak tercapai matlamat terakhir, iaitu pengislaman dan keredaan Allah merupakan kejayaan.

25. Mengenai masalah kurang sambutan dan dokongan orang Islam sendiri terhadap usaha dakwah kepada orang bukan Islam usaha hendaklah dibuat untuk menambah kesedaran mereka. Disarankan bahawa gerakan kesedaran

untuk orang ramai hendaklah selalu diadakan, sama ada melalui khutbah-khutbah, penerangan-penerangan atau sebagainya. Dengan adanya gerakan kesedaran seperti itu masyarakat akan dapat faham bahawa dakwah adalah tanggungjawab bersama dan masing-masing hendaklah memberikan sahamnya mengikut kemampuan.